

BANGAU CHINA
Chinese Egret

FAMILI: Ardeidae
NAMA SAINTIFIK: *Egretta eulophotes*

CIRI-CIRI

Spesies ini biasanya ditemui secara berkumpulan. Semasa luar musim pembiakan, individu dewasa mempunyai warna yang hampir sama dengan Bangau Batu, *E.sacra*, semasa morfisme putih, tetapi bahagian kaki adalah lebih panjang. Paruhnya lebih tirus dan tajam, paruh atas berwarna hitam sehingga hitam kecoklatan. Paruh bawah pula berwarna kekuningan dengan hujung berwarna hitam. Semasa terbang, ianya kelihatan seperti Bangau Kecil, *E.garzetta*. Semasa berehat, ianya boleh dibezakan dengan Bangau Kecil melalui kaki yang berwarna kehijauan dan paruh bawah yang lebih pudar. Semasa musim pembiakan, ianya seperti Bangau Kecil tetapi paruh berwarna kuning jingga dengan bulu yang panjang pada belakang kepala. Bahagian kulit pada muka berwarna biru muda sehingga biru kekelabuan dengan kaki berwarna hitam dan kuning kehijauan. Panjang keseluruhan bagi individu dewasa ialah 68 sm.

MAKANAN

Dietnya terdiri daripada pelbagai jenis haiwan akuatik termasuklah ikan, amfibia, krus-tasia, invertebrata, mamalia kecil dan anak burung.

HABITAT

Habitat yang sesuai bagi spesies ini ialah di kawasan beting lumpur dan hutan paya bakau.

STATUS

Akta 76/72, dipelindungi sepenuhnya.